



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA MARTABATKAN INTEGRITI, LAKSANAKAN IN-HOUSE CEO

Alor Setar, 28 Sept - Seramai 37 Pegawai Kanan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) berjaya menamatkan Program Integriti Bertauliah (CeIO) Siri 32 Bil. 4 2022 setelah mengikuti sesi selama satu hari berdasarkan empat modul standard CeIO, di sini semalam.

Program diadakan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, Kedah ini telah dihadiri Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan Dan Profesionalisme) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Dato' Indera Junipah Wandu yang menyempurnakan penutupan program berkenaan.

Dato' Indera Junipah menzahirkan ucapan tahniah kepada JIM kerana mencatat sejarah sebagai Agensi Penguatkuasa Sektor Awam pertama yang berjaya melaksanakan program CeIO secara berkelompok (in-house).

"Tindakan pihak JIM dalam usaha mendapatkan pengiktirafan sebagai Pegawai Integriti Bertauliah untuk 37 pegawainya harus dipuji kerana dilihat selari dengan slogan JIM iaitu Integriti, Profesional, Mesra dan berjaya dipancarkan dalam minda, tindakan serta tingkah laku peserta.

"Kejayaan dalam melaksanakan program Enhancing Integrity Project (EIP) di Perlis dan Seminar Kelestarian Integriti (SKI) di Kedah dalam tempoh singkat membuktikan kesungguhan peserta untuk diiktiraf sebagai CeIO dan seterusnya membantu dalam mengukuhkan integriti JIM sebagai jabatan penguat kuasa yang menjadi benteng kawalan sempadan Malaysia," katanya.

Dalam majlis yang sama, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JIM, Dato' Zakaria Shaaban turut meluahkan rasa bangga atas kejayaan peserta CeIO-JIM. Beliau turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta yang telah menunjukkan komitmen yang cemerlang sepanjang program tersebut.

Dalam program itu juga turut diadakan Seminar Kelestarian Integriti (SKI) bertajuk 'PATI Menggugat Integriti' yang dihadiri Pengarah SPRM Negeri Kedah, Dato' Shaharom Nizam Abd Manap dan Ketua Penolong Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Kedah, En. Bakhtiar Effendy Khalid selaku panel jemputan.

Turut hadir menyerikan majlis ialah Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Dato' Haji Idris Zaharudin; Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) SPRM, Dato' Nor Azmi Karim; Pengarah JIM Negeri Kedah, Tuan Mohd Ridzuan Mohd Zain dan Pengarah JIM Negeri Perlis, Tuan Khairul Amin Taib.

